

Najib gagal rayu perintah mareva SRC International

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak gagal mendapatkan kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan berhubung perintah injunksi mareva yang diperoleh SRC International Sdn. Bhd. bagi menghalangnya daripada memindahkan atau melupuskan mana-mana asetnya berjumlah RM42 juta.

Perintah injunksi mareva adalah perintah sementara yang menghalang defendan daripada melupuskan aset sehingga keputusan dicapai dalam kes antara plaintif dan defendan.

Dalam kes sivil, mana-mana pihak yang ingin merayu di Mahkamah Persekutuan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu.

Panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Tan Sri Nallini Pathmanathan dan bersidang bersama-sama Datuk Nordin Hassan dan Datuk Abu Bakar Jais sebulat suara memutuskan bahawa tiada keperluan untuk untuk mahkamah itu berbuat demikian.

“Selepas meneliti kes rujukan



NAJIB TUN RAZAK

dan mendengar hujah peguam-peguam, kami berpuas hati tiada sebarang keperluan untuk mahkamah ini membuat semakan semula berhubung risiko pelupusan aset yang dinyatakan dengan jelas dalam kes terdahulu.

“Penggunaan penanda aras yang ditetapkan dalam kes ter-

dahulu adalah berbeza bagi kes dan berdasarkan fakta bagi setiap kes.

“Kami dapati hakim terdahulu mengambil kira perbezaan dan mengguna pakai setiap penanda aras berdasarkan fakta matriks kes adalah cukup untuk membuat penentuan dalam menjawab

persoalan berhubung pelupusan (aset),” kata Hakim Nallini ketika membaca penghakiman ringkas panel itu.

Oleh itu, katanya, semakan semula penanda aras itu adalah tidak perlu.

“Permohonan ditolak dengan kos sebanyak RM30,000,” kata hakim itu.

Pada prosiding yang dijalankan secara dalam talian disertai peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Mohammad Arfan Wan Othman mewakili Najib manakala peguam-peguam Lim Chee Wee dan Nagarajah Mutthiah mewakili syarikat-syarikat tersebut.

Najib memfailkan permohonan tersebut selepas Mahkamah Rayuan pada 6 Disember 2022 menolak rayuan bekas Ahli Parlimen Pekan itu berhubung perintah injunksi mareva tersebut.

Pada 6 Disember 2022, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang diketuai oleh Datuk Yacob Md. Sam dan bersidang bersama-sama Datuk P. Ravinthran dan Datuk Seri Mariana Yahya memutuskan demikian atas alasan Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf apabila mengeluarkan perintah tersebut.